

Cucu tetak nenek sampai mati

BERITA HARIAN 21/6/17 m/s 25

Kuala Lipis: Seorang cucu bertindak kejam menetak neneknya yang berusia 76 tahun sehingga mati selepas mangsa mahu membawanya bertemu tok batin untuk rawatan di Perkampungan Orang Asli Kampung Pagar. Dalam kejadian kira-kira jam 8 pagi itu, mangsa maut di tempat kejadian selepas cedera parah di leher akibat ditetak menggunakan parang

oleh suspek yang berusia 32 tahun.

Difahamkan, leher mangsa hampir putus akibat libasan parang cucu lelakinya itu sebelum rebah tidak sedarkan diri.

Ketua Polis Daerah Lipis, Superintendan Azry Akmar Ayob, berkata suspek turut mencederakan isterinya berusia 21 tahun menggunakan bara api selain menetak bapa mentuanya berusia 56 tahun

sebanyak dua kali mengakibatkan kedua-dua mangsa cedera parah.

Leher hampir putus

“Siasatan awal mendapati, suspek ke rumah kakaknya kira-kira 500 meter dari rumahnya sebelum bersikap pelik dan pengsan. Isteri mangsa kemudian ke sana untuk melihat keadaan suaminya, bagaimanapun sebaik suspek sedar dia terus

mencapai bara api di dapur dan mencucuk bahagian muka isterinya.

“Suspek kemudian ke rumah neneknya dan menetak mangsa menggunakan parang yang diambil di rumah mangsa kerana neneknya mahu membawanya bertemu tok batin untuk dirawat selain memberitahu tiada makanan di rumah,” katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.